

**SULIT**  
**3756/2**  
**Prinsip**  
**Perakaunan**  
**Kertas 2**  
**November**  
**2023**  
2 ½ jam

3756/2



---

## MAKTAB RENDAH SAINS MARA

---

### PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2023

---

### PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

---

#### JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **dua** soalan dalam **Bahagian B**.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis pada **Buku Jawapan** yang disediakan.*
4. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
5. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*
7. *Buku jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

[Lihat halaman sebelah]

**Bahagian A**

[ 60 markah ]

*Jawab semua soalan*

1(a) Apakah andaian, prinsip dan batasan dalam perakaunan yang berkaitan dengan situasi di bawah?

- (i) Encik Saiful merekodkan nilai kenderaan dalam Penyata Kewangan pada harga belian.
- (ii) Perniagaan catering Puan Saleha yang ditubuhkan pada tahun 2022 dijangka akan terus beroperasi dan berkembang maju.

[2 markah]

1(b) Pemilik Syarikat Komputer Milenium mengambil sebuah komputer yang bernilai RM3 000 untuk kegunaan kerani syarikat.

Apakah catatan bergu urus niaga tersebut?

[2 markah]

1(c) Puan Malika menjalankan perniagaan menjual produk kesihatan.

<b>Produk</b>	<b>Harga Kos (RM)</b>	<b>Harga Jualan (RM)</b>
Susu Protein Soya	55	65

Pada 3 Disember 2022, susu protein soya dijual sebanyak 10 kotak secara kredit.

Berdasarkan maklumat di atas, lengkapkan kad inventori.

[3 markah]

1(d) Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Amanda.

	<b>Belanjawan (RM)</b>	<b>Sebenar (RM)</b>	<b>Prestasi</b>
Penerimaan	141 750	145 600	?
Pembayaran	135 500	140 200	?
Lebihan / (Kurangan)	?		

Lengkapkan jadual di atas.

[3 markah]

2 Maklumat berikut diambil daripada buku Kelab Sukan Q-Fit di Muar.

	1 Januari 2022	31 Disember 2022
	RM	RM
Premis kelab	120 000	120 000
Alatan sukan (kos)	12 400	13 000
Tunai di bank	117 520	?
Yuran belum terperoleh	480	?
Yuran belum terima	340	900
Akaun Belum Bayar	3 400	5 000
Inventori	2 600	3 100
Kadar bayaran belum bayar	-	160

Berikut penerimaan dan pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

<b>Penerimaan</b>	<b>RM</b>
Sewaan alatan sukan	12 300
Jualan kafeteria	52 400
Yuran pertandingan bola jaring	1 850
Yuran masuk	1 500
Yuran ahli 2021	200
Yuran ahli 2022	36 220
Yuran ahli 2023	360
<b>Pembayaran</b>	
Alatan sukan	3 500
Belian kafeteria	3 220
Kadar bayaran	5 100
Belanja am	1 500
Gaji pekerja kelab	15 000
Alat tulis	500
Akaun Belum Bayar	18 200
Belanja kafeteria	24 500
Piala pertandingan bola jaring	650

[Lihat halaman sebelah]  
SULIT

**Maklumat tambahan:**

- (i) Pada 1 Julai 2022, seorang ahli telah menderma sebidang tanah bernilai RM70 000 kepada kelab untuk pembinaan gelanggang bola jaring baharu.
- (ii) 40% daripada jumlah kadar bayaran adalah untuk kegunaan kafeteria.
- (iii) Yuran tahun 2021 yang masih tidak dapat dikutip hendaklah dihapuskan sebagai yuran lapuk.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Yuran [4 markah]
  
- (b) Akaun Perdagangan Kafeteria bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 [4 markah]
  
- (c) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 [8 markah]
  
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 [9 markah]

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm  
Prinsip Perakaunan K2 Trial MRSM 2023

- 3 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Aisyah yang mengamalkan sistem catatan tunggal.

Ringkasan Buku Tunai bagi tahun berakhir 30 Jun 2023 adalah seperti berikut:

Buku Tunai (ruangan bank)			
	RM		RM
Jualan	41 400	Belian	37 220
Akaun Belum Terima	26 770	Ambilan	4 690
Jualan kenderaan lama	3 400	Gaji pekerja	2 700
Komisen	370	Sewa kedai	3 800
		Kenderaan	28 000
		Insurans	1 800
		Utiliti	895
		Pinjaman	4 000

**Maklumat tambahan:**

- (i) Baki-baki aset dan liabiliti :

	1 Julai 2022	30 Jun 2023
	RM	RM
Perabot (Kos)	12 600	12 600
Kenderaan (Nilai Buku)	5 300	27 200
Tunai di Bank	17 645	?
Inventori barang niaga	3 190	5 220
Inventori alat tulis	450	265
Insurans prabayar	-	200
Komisen belum terperoleh	125	455
Akaun Belum Terima	7 540	10 200
Akaun Belum Bayar	4 215	6 660
Pinjaman 8% ( matang 30 Jun 2027 )	20 000	16 000

- (ii) Puan Aisyah telah mengambil barang niaga RM530 untuk promosi. Perkara ini belum direkodkan.
- (iii) Nota kredit berjumlah RM1 380 telah dihantar kepada pelanggan kerana kesilapan produk.
- (iv) Pada 1 Mei 2023, Puan Aisyah menerima cek RM1 410 daripada seorang pelanggan yang hutangnya telah diisytiharkan lapuk.
- (v) Perabot telah dibeli pada 1 Julai 2021. Kadar susut nilai ditetapkan 10% setahun atas kos.
- (vi) Peruntukan hutang ragu diwujudkan 3% atas baki Akaun Belum Terima.

**Anda dikehendaki:**

- (a) mengira jumlah jualan. [3 markah]
- (b) menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2023. [17 markah]
- (c) menyediakan Penyata Mengira Modal pada 30 Jun 2023. [5 markah]

**Bahagian B**

[40 markah]

*Jawab dua soalan sahaja*

4(a) Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Runcit Ria pada 31 Ogos 2023.

**Kedai Runcit Ria**  
**Imbangan Duga pada 31 Ogos 2023**

	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Modal awal		30 000
Belian dan Jualan	24 000	32 600
Pulangan	800	900
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	3 000	2 400
Inventori Awal	5 120	
Upah	700	
Sewa	1 000	2 600
Komisen		800
Tunai	480	
Bank	11 200	
Kenderaan	23 000	
	69 300	69 300

Setelah Imbangan Duga disediakan, beberapa kesilapan telah dikesan.

- (i) Belian perabot RM600 telah didebitkan dalam Akaun Belian.
- (ii) Bayaran upah secara tunai RM770 tersilap rekod sebagai RM700 dalam kedua-dua akaun.
- (iii) Sewa diterima RM850 telah didebitkan dalam Akaun Sewa Diterima dan dikreditkan dalam Akaun Bank.

**Anda dikehendaki:**

- i. Membetulkan kesilapan dalam Jurnal Am (keterangan tidak diperlukan).  
[6 markah]
- ii. Menyediakan Imbangan Duga Terselaras  
[4 markah]

4(b) Ariz, Afiq dan Alia adalah pekongsi dalam perkongsian Triple A. Pembahagian untung atau rugi adalah 2:2:1. Pada 31 Oktober 2023, mereka bersetuju untuk membubarkan perniagaan.

**Perkongsian Triple A**  
**Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Oktober 2023**

	RM		RM
Kenderaan	10 000	Akaun Modal Ariz	12 000
Perabot	9 500	Akaun Modal Afiq	12 000
Inventori	4 100	Akaun Modal Alia	6 000
Akaun Belum Terima	3 000		
Bank	8 700	Akaun Semasa Ariz	1 800
		Akaun Semasa Afiq	500
		Akaun Semasa Alia	(2 000)
		Akaun Belum Bayar	5 000
	35 300		35 300

**Maklumat tambahan:**

- (i) Alia bersetuju untuk mengambil alih inventori pada harga RM4 000.
- (ii) Kenderaan dan perabot dijual dengan harga RM18 000.
- (iii) Menerima cek RM2 700 daripada Akaun Belum Terima dan bakinya dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (iv) Menjelaskan sepenuhnya Akaun Belum Bayar dengan diskaun 10%.
- (v) Satu bil utiliti bulan September sebanyak RM500 telah dikemukakan untuk bayaran.
- (vi) Belanja pembubaran sebanyak RM600 dijelaskan oleh Ariz.
- (vii) Semua pekongsi bersetuju membawa masuk wang tunai peribadi untuk menampung kekurangan modal jika perlu.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- i. Akaun Realisasi [6 markah]
- ii. Akaun Modal Pekongsi [4 markah]



5 (a) Encik Muhammad Khan menjalankan perniagaan menjual karpet di Kangar.

Pada 1 April 2023, maklumat kewangan perniagaan adalah seperti berikut:

<b>Butir</b>	<b>RM</b>
Perabot	5 000
Inventori	8 500
Akaun belum terima	2 500
Bank	9 000
Tunai	1 000
Akaun belum bayar	3 600
Modal	20 000
Untung bersih	?

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan April 2023:

- (i) Membeli barang niaga secara tunai RM500.
- (ii) Membawa masuk perabot peribadi bernilai RM800 ke dalam perniagaan.
- (iii) Membuat sebahagian bayaran kepada Akaun Belum Bayar sebanyak RM1 200 menggunakan cek perniagaan.
- (iv) Jual satu per lima daripada inventori pada harga RM2 600 secara kredit.
- (v) Menerima sekeping cek RM2 350 daripada pelanggan bagi menjelaskan baki hutang pada 1 April 2023.
- (vi) Mengeluarkan cek untuk membayar gaji dua orang pekerja bernilai RM1 100 seorang.
- (vii) Pemilik mengambil sebidang karpet berharga RM300 untuk kegunaan kediamannya.

**Anda dikehendaki** melengkapkan Jadual Persamaan Perakaunan.

[10 markah]

- 5(b) Kilang Tayar Juara merupakan pengeluar tayar terbesar di Kuantan. Berikut merupakan maklumat kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 2023.

	<b>RM</b>
Jualan	225 200
Belian	148 800
Mesin	100 000
Gaji operator pengeluaran	48 600
Gaji pengurus kilang	22 325
Kadar bayaran	36 570
Royalti	4 653
Sewa kilang	18 990
Angkutan masuk	5 234
Angkutan keluar	4 765
Alat-alat kecil	2 220
Belanja membaiki mesin	6 650
Pulangan belian	2 400
Susut nilai terkumpul mesin	10 000

**Maklumat tambahan:**

- (i) Baki-baki akaun adalah seperti berikut:

	<b>1 Ogos 2022</b>	<b>31 Julai 2023</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Inventori bahan langsung	18 700	25 300
Kerja dalam proses	2 365	3 210
Gaji operator pengeluaran belum bayar	-	3 400
Sewa kilang prabayar	4 700	-
Alat-alat kecil	8 910	550

- (ii) Susut nilai mesin ialah 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.  
 (iii) Kadar bayaran dibahagi mengikut nisbah 4:2 antara kilang dan pejabat.

**Anda dikehendaki menyediakan** Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Julai 2023. [10 markah]

- 6 Puan Ayu merupakan pemilik Sri Ayu Textile yang menjalankan perniagaan di Tangkak, Johor sebagai pemborong pelbagai jenis kain dan langsir.

Pada 1 Oktober 2022, baki aset dan liabiliti perniagaan adalah seperti berikut:

	<b>RM</b>
Lengkapan	12 500
Inventori	30 900
Tunai di bank	6 800
Tunai di tangan	450
Akaun Belum Bayar: Gedung Kain Permata	2 300
Modal	?

Dokumen-dokumen berikut menunjukkan urus niaga Sri Ayu Textile yang berlaku sepanjang bulan Oktober 2022.

<b>SALINAN</b>	<b>BIL TUNAI</b> <b>SRI AYU TEXTILE</b> 20, Jalan Payamas 84900 Tangkak, Johor	No.3200	
		Tarikh : 2 Oktober 2022	
Kepada LK Curtain 30, Jalan Pinang Sebatang 56000 Segamat, Johor			
<b>Kuantiti</b>	<b>Butir</b>	<b>Harga seunit (RM)</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
20 unit	Kain langsir 2 Panel	70	1 400
30 unit	Kain langsir 3 Panel	100	3 000
<b>Jumlah</b>			4 400
(Ringgit: Empat ribu empat ratus sahaja)			
Tunai/No cek : MBB 550601			
			<i>Ayu</i> Pengurus

Dokumen 1

<b>SALINAN</b>	<b>INV2821</b>		
<b>INVOIS</b>			
<b>SRI AYU TEXTILE</b>			
20, Jalan Payamas 84900 Tangkak, Johor			
			Tarikh : 5 Oktober 2022
Kepada Gerobok Siti Hadijah No 10, Lorong Pasar Besar 25000 Kuantan, Pahang			
Kuantiti	Butir	Harga seunit (RM)	Jumlah (RM)
70 unit	Kain pasang sulam	100	7 000
40 unit	Kain pasang songket	80	3 200
25 unit	Kain pasang cotton	40	1 000
			11 200
<b>Tolak : Diskaun niaga 10%</b>			1 120
<b>Jumlah</b>			<b>10 080</b>
(Ringgit: Sepuluh ribu lapan puluh sahaja)			
Syarat : 10% 5 hari, 5% 10 hari Serahan : Angkutan dibayar K.& K.di K.			
<i>Siti</i> Penerima	<i>Ayu</i> Pengurus		

Dokumen 2

<b>MEMO</b>	
<b>SRI AYU TEXTILE</b>	
20, Jalan Payamas 84900 Tangkak, Johor	
Tarikh : 7 Oktober 2022	
Peringatan : Pemilik mengambil 20 unit kain pasang sulam berjumlah RM2 000 untuk didermakan kepada Rumah Anak Yatim Tangkak.	
<i>Ayu</i> Pengurus	

Dokumen 3

<b>ASAL</b>	No. : 0431
<b>RESIT RASMI</b> <b>Gedung Kain Permata</b> No. 40, Jalan Abdullah 85000 Segamat, Johor	
Tarikh : 10 Oktober 2022	
Diterima daripada : <u>Sri Ayu Textile</u> Ringgit Malaysia : <u>Dua ribu dua ratus sahaja (diskaun tunai RM100)</u> Bayaran untuk : <u>Menjelaskan baki hutang pada 1 Oktober 2022</u>	
RM2 200.00 Tunai / No cek : MBB 046666	
<i>Lisa</i> Pengurus	

Dokumen 4

<b>ASAL</b>	INV1880		
<b>INVOIS</b> <b>Gedung Kain Permata</b> No. 40, Jalan Abdullah 85000 Segamat, Johor			
Tarikh : 17 Oktober 2022			
Kepada SRI AYU TEXTILE 20, Jalan Payamas 84900 Tangkak, Johor			
<b>Kuantiti</b>	<b>Butir</b>	<b>Harga seunit (RM)</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
60 unit	Kain pasang sulam	100	6 000
40 unit	Kain pasang songket	80	3 200
			9 200
<b>Tolak : Diskaun niaga 5%</b>			460
<b>Jumlah</b>			8 740
(Ringgit: Lapan ribu tujuh ratus empat puluh sahaja)			
Syarat : 10% 5 hari, 5% 10 hari Serahan : Angkutan dibayar K.& K.di K.			
<i>Ayu</i> Penerima		<i>Lisa</i> Pengurus	

Dokumen 5

[Lihat halaman sebelah]  
SULIT

<b>ASAL</b>				No.4100
<b>BIL TUNAI</b>				
<b>Perabot Jaya Enterprise</b>				
149, Jalan Payamas 84900 Tangkak, Johor				
				Tarikh : 18 Oktober 2022
Kepada SRI AYU TEXTILE 20, Jalan Payamas 84900 Tangkak, Johor				
<b>Kuantiti</b>	<b>Butir</b>	<b>Harga seunit (RM)</b>	<b>Jumlah (RM)</b>	
1 unit	Almari pameran	300	300	
<b>Jumlah</b>			300	
(Ringgit : Tiga ratus sahaja)				
Tunai/No cek :				
				<i>Siva</i> Pengurus

Dokumen 6

<b>ASAL</b>				ND1670
<b>NOTA DEBIT</b>				
<b>Gedung Kain Permata</b>				
No. 40, Jalan Abdullah 85000 Segamat, Johor				
				Tarikh : 19 Oktober 2022
Kepada SRI AYU TEXTILE 20, Jalan Payamas 84900 Tangkak, Johor				
<b>Kuantiti</b>	<b>Butir</b>	<b>Harga seunit RM</b>	<b>Jumlah RM</b>	
10 unit	Kain pasang songket Tolak : Diskaun niaga (Invois no.1880 terkurang caj)	80	800 40	
<b>Jumlah</b>			760	
(Ringgit : Tujuh ratus enam puluh sahaja)				
				<i>Lisa</i> Pengurus

Dokumen 7

Tarikh : 20 Oktober 2022  
 Penerima : Sri Ayu Textile  
 Tujuan : Kegunaan perniagaan

	<b>RINGGIT</b>	<b>SEN</b>
Baki akhir	9 000	00
Dimasukkan	-	-
Jumlah	9 000	00
Cek ini	700	00
Baki	8 300	00

**MBB** **046667**

Dokumen 8

**SALINAN**

INV.2822

**INVOIS**  
**SRI AYU TEXTILE**  
 20, Jalan Payamas  
 84900 Tangkak, Johor

Tarikh : 23 Oktober 2022

Kepada  
 Anggun Clothing Enterprise  
 No 9, Lorong Pasar Dalam  
 25000 Kuantan, Pahang

<b>Kuantiti</b>	<b>Butir</b>	<b>Harga seunit (RM)</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
50 unit	Kain pasang batik	70	3 500
<b>Tolak : Diskaun niaga 10%</b>			350
<b>Jumlah</b>			3 150

(Ringgit: Tiga ribu satu ratus lima puluh sahaja)

Syarat : 10% 5 hari, 5% 10 hari  
 Serahan : Angkutan dibayar  
 K.& K.di K.

*Anggun*  
 Penerima

*Ayu*  
 Pengurus

Dokumen 9

<b>ASAL</b>	No. : 4230
<b>RESIT RASMI</b> <b>MAJU HARTANAH</b> 50, Jalan Payamas 84900 Tangkak, Johor	
Tarikh 25 Oktober 2022	
Diterima daripada	: <u>Sri Ayu Textile</u>
Ringgit Malaysia	: <u>Lapan ratus lima puluh sahaja</u>
Bayaran untuk	: <u>Sewa bulan Oktober 2022</u>
RM 850.00	
Tunai / No cek : MBB 046668	
<i>Lim</i> Pengurus	

Dokumen 10

<b>SALINAN</b>	NK5660		
<b>NOTA KREDIT</b> <b>SRI AYU TEXTILE</b> 20, Jalan Payamas 84900 Tangkak, Johor			
Tarikh : 26 Oktober 2022			
Kepada Anggun Clothing Enterprise No 9, Lorong Pasar Dalam 25000 Kuantan, Pahang			
Akaun tuan telah dikreditkan seperti berikut :			
<b>Kuantiti</b>	<b>Butir</b>	<b>Harga seunit (RM)</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
6 unit	Kain pasang batik Tolak : Diskaun niaga 10% (Tersalah corak)	70	420 42
<b>Jumlah</b>			378
(Ringgit: Tiga ratus tujuh puluh lapan sahaja)			
<i>Anggun</i> Penerima		<i>Ayu</i> Pengurus	

Dokumen 11



<b>SALINAN</b>	<b>RESIT RASMI</b> <b>SRI AYU TEXTILE</b> 20, Jalan Payamas 84900 Tangkak, Johor	No. : 3300
		Tarikh : 27 Oktober 2022
Diterima daripada	: <u>Gerobok Siti Hadijah</u>	
Ringgit Malaysia	: <u>Tiga ribu dua ratus sahaja</u>	
Bayaran untuk	: <u>Menjelaskan sebahagian invois No.2821</u>	
RM3 200.00		
Tunai / No cek	: BIMB 787171	
		<i>Ayu</i> Pengurus

Dokumen 12

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- |   |            |
|---|------------|
| (a) Jurnal Am (Keterangan tidak diperlukan) | [4 markah] |
| (b) Jurnal Jualan                           | [3 markah] |
| (c) Jurnal Belian                           | [3 markah] |
| (d) Jurnal Pulangan Jualan                  | [2 markah] |
| (e) Buku Tunai                              | [8 markah] |

**KERTAS SOALAN TAMAT**

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm  
Prinsip Perakaunan K2 Trial MRSM 2023

